

Larian Earth Walk pembuka tirai Expoconvo 2016

KUANTAN 6 Nov. - Seramai 900 peserta termasuk mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) terlibat dalam program Earth Walk yang merupakan acara pembuka tirai Expoconvo UMP 2016 di sini semalam.

Aktiviti tersebut adalah sebahagian daripada acara sempena Majlis Konvokesyen UMP 2016 yang akan berlangsung di UMP kampus Gambang selama tiga hari bermula 19 November ini.

Penolong Pendaftar Kanan (Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Mohd. Nazri Samsuddin berkata, Earth Walk dilihat sebagai satu acara yang bersesuaian dengan masyarakat kerana dapat memberi pengetahuan mengenai kepentingan menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab secara bersama.

"Program ini bertujuan memberi pendedahan serta menerapkan budaya menjaga alam sekitar terutama dalam kalangan mahasiswa ke arah memperkasakan teknologi hijau.

"Seiring dengan definisi



PESERTA Earth Walk bergambar beramai-ramai sempena Pesta Konvo Universiti Malaysia Pahang (UMP), di Kuantan, Pahang, kelmarin.

teknologi hijau iaitu pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar se-

mulajadi dengan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia," katanya ketika berucap

merasmikan Majlis Pelancaran Expoconvo 2016 di sini semalam.

Majlis pelancaran tersebut ber-

temakan kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kehidupan seharian berjaya menarik kira-kira 1,000 pengunjung termasuk ko-

muniti setempat.

Sementara itu, menurut Pengerah Program Earth Walk, Wan Alin Mohd. Zahari, penganjur seperti ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai manfaat yang bakal diperoleh apabila alam sekitar terpelihara.

"Secara bersantai kita dapat mengajak orang ramai menjalani gaya hidup sihat di samping memelihara alam sekitar," jelasnya.

Expoconvo 2016 dengan kerjasama Kumpulan Utusan turut disertakan dengan pelbagai program menarik seperti UMPEXPO-Race, DIY Competition yang akan berlangsung pada 18 November, Street Soccer (19 November), dan Battle of Music (20 November) bertempat UMP kampus Gambang.

Kumpulan Utusan pula menganjurkan acara Fun Run, pertandingan memancing dan pameran fotografi pada 13 November ini di UMP kampus Pekan dekat sini.